

01/11/1997

LG Korea minat tambah pelaburan

KUMPULAN LG (LG), syarikat Korea yang dahulunya dikenali sebagai Lucky-Goldstar, berhasrat meningkatkan pelaburan di Malaysia berdasarkan prestasi politik serta struktur kerajaan yang kukuh.

Kumpulan syarikat itu terbabit secara aktif dalam enam bidang utama iaitu kimia & tenaga, jentera & logam, perdagangan dan perkhidmatan, kewangan, khidmat awam/sukan serta elektrik & elektronik (LG).

Pengurus Besar LG, K H Cha, berkata tumpuan utama serta komitmen Malaysia terhadap teknologi maklumat turut meyakinkan pelabur asing untuk menerokai pasaran multi media di negara ini.

Sehubungan itu, menurutnya, pertemuan antara Pengerusi Kumpulan LG, Bon Moo Koo dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang diatur bagi membincangkan hal berkaitan bidang multimedia.

"Pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) di negara ini mencerminkan kesungguhan Malaysia untuk menimba pengalaman dan menerapkan penggunaan teknologi maklumat dalam kegiatan harian masyarakat negara ini.

"Malah, kedudukan sistem politik dan struktur kerajaan yang kukuh di Malaysia meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk memperluaskan lagi kadar pelaburan di sini," katanya pada sidang media mengenai Pesta Planet LG pada 1 dan 2 November ini di Pulau Pinang, semalam.

Pesta Planet LG membabitkan kegiatan seperti Belon Udara Panas yang bermula jam 7 pagi hingga 7 malam, Pusat Pameran Produk LG, Pertandingan Melukis bagi kanak-kanak berusia di antara 8 hingga 12 tahun.

Pelancaran Strategi syarikat yang dikenali sebagai Leap 2005, Mac lalu turut menyenaraikan program ini yang bertujuan menempa reputasi jenama LG untuk kepuasan pengguna.

Cha berkata, Bon yang juga Penasihat Projek MSC di Korea pasti akan mengambil kesempatan untuk bertemu Dr Mahathir bagi membincangkan pelbagai aspek yang mampu memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Menurutnya, pelaksanaan Leap 2005 memberi peluang LG Electronics (LGE) mengalih fokus dan memperluaskan skop operasi ke bidang pembangunan dan pengeluaran rangkaian produk dalam sektor multimedia, maklumat, komunikasi dan bidang komponen.

Katanya, LGE turut mengutamakan keperluan pengguna multi media dengan menghasilkan alat Pembantu Peribadi Digital (PDA) yang dilengkapi aplikasi perisian peribadi dengan faks/modem siap pasang yang disepadukan dengan telefon selular, akhir tahun ini.

Beliau berkata, produk multi media lain yang sedang diusahakan LGE termasuk set-top boxes, digital video discs (DVD) dan PDA.

Sementara itu, Cha berkata, LGE adalah syarikat perintis Korea yang mengeluarkan produk elektrik dan elektronik diperingkat global menetapkan sasaran untuk memperoleh kadar jualan sehingga RM257 bilion (AS\$78 bilion) menjelang 2005.

Menurutnya, jualan seluruh dunia LGE tahun lalu berjumlah RM30 bilion (AS\$8.9 bilion) dan ia dijangka mencecah sehingga RM37 bilion (AS\$11.3 bilion) tahun ini.

"Pencapaian memberangsangkan dari segi jumlah jualan produk LGE dijangka berterusan dalam tempoh yang lama, termasuk peningkatan di antara 20 hingga 25 peratus pada 1998," katanya.

Selain itu, Pengurus Besar Scott & English Electronics Sdn Bhd (SEE), T S Lim berkata, produk jenama LG kini mampu mencapai kadar jualan sehingga RM100 juta di Malaysia tahun ini dan perolehan dagangan mencapai RM330

juta (AS\$100) juta untuk tempoh yang sama.

SEE adalah ahli syarikat Kumpulan DRB-Hicom yang memeterai perjanjian pengedaran tunggal bersama LG, tahun lalu dan sekali gus membolehkan produk LG dipasarkan melalui 8 cawangan SEE, kedai dan gedung beli-belah utama dan 550 wakil penjual SEE.

LGE juga melancarkan produk yang mengutamakan kemudahan pengguna seperti peti sejuk, televisyen, pendingin udara dan mesin pembasuh.

(END)